

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG




Pemeriksaan Komuniti Menerusi Kejuruteraan Awam: Bridge Competition for Kids

*Nor Hafizah Hanis Abdullah, Zanariah Abd Rahman, Adhilla Ainun Musir, Nurulzatushima Abd Karim,
Fairus Azwan Azizan, Afifuddin Habulat, Syahirah Mansor, Fuziatul Norsyiha Ahmad Syukri*

Pepatah “melentur buluh biarlah dari rebungnya” menggambarkan dengan tepat tujuan program pemeriksaan komuniti yang dianjurkan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTM CPP). Program yang dinamakan “Bridge Competition for Kids” ini merupakan hasil jalinan kerjasama antara FKA dan penduduk Taman Mengkuang Heights (TMH) di Bukit Mertajam. Bertempat di Dewan Serbaguna TMH pada 24 Februari 2024, program ini bertujuan untuk memperkenalkan kanak-kanak kepada asas-asas kejuruteraan awam, khususnya dalam pembinaan jambatan. Secara tidak langsung, aktiviti ini memberi pendedahan awal kepada mereka tentang kepentingan kejuruteraan dalam pembangunan negara.

Sebanyak 25 kanak-kanak yang berusia antara 6 hingga 15 tahun telah menyertai program ini, dan mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Acara dimulakan pada jam 8.30 malam, setelah para peserta menikmati jamuan makan malam yang disediakan oleh penganjur. Pada permulaan program, fasilitator yang terdiri daripada pensyarah FKA memberikan penerangan tentang asas-asas mereka bentuk struktur jambatan. Selepas itu, kanak-kanak ini menggunakan alat tulis masing-masing untuk membuat lakaran idea di atas kertas yang disediakan. Kesungguhan dan kreativiti mereka jelas terpancar ketika melontarkan idea dan membincangkan reka bentuk jambatan yang akan dibina. Dalam proses ini, bakat kepimpinan dan kerjasama mereka turut terserlah.

Langkah seterusnya adalah membina model prototaip jambatan berdasarkan reka bentuk yang telah dipilih. Dengan menggunakan bahan-bahan seperti 100 keping batang ais krim, kertas, gam, dan gunting, kanak-kanak ini bekerjasama dalam kumpulan masing-masing untuk menyiapkan prototaip jambatan mereka. Semangat berpasukan dan disiplin pengurusan masa turut diterapkan dalam pertandingan ini, di mana 30 minit pertama diperuntukkan untuk lakaran idea, dan 60 minit seterusnya untuk menyiapkan prototaip. Selesai 90 minit, sesi perjurian diadakan dengan juri jempuan yang dilantik terdiri daripada Ahli Jawatankuasa TMH. Terdapat empat kategori yang dinilai: kestabilan, kreativiti, kekemasan, dan kesepaduan.



Walaupun menjadi juara bukanlah keutamaan, pengalaman berharga yang diperolehi sepanjang program adalah yang paling penting. Ini termasuk menimba ilmu baharu, memupuk semangat berpasukan dan kepimpinan, serta mencungkil bakat dalam reka bentuk. Di penghujung program, para peserta disajikan dengan aktiviti membakar marshmallow di atas unggun api. Kegembiraan dan kepuasan jelas terpancar di wajah mereka setelah bertungkus-lumus menyiapkan tugas pembinaan jambatan. Bagi pihak FKA, penganjuran program seperti ini dapat memperkenalkan ilmu kejuruteraan awam kepada masyarakat sekitar secara khusus dan UiTM CPP secara amnya.



Dengan program "Bridge Competition for Kids", FKA berharap dapat menyemai minat awal terhadap bidang kejuruteraan di kalangan generasi muda, sekaligus melahirkan bakat-bakat baharu yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara di masa hadapan. Program ini bukan sahaja mendedahkan kanak-kanak kepada dunia kejuruteraan tetapi juga membina asas kepimpinan dan kerjasama yang kukuh dalam diri mereka. Semoga program seumpama ini dapat diteruskan dan diperluaskan pada masa akan datang untuk manfaat lebih ramai kanak-kanak dan komuniti setempat.